

## **Di antara perburuhan dan perhambaan: Estet Sapong sepintas lalu (1881-1941)**

### **ABSTRAK**

Kajian mengenai perburuhan dan perhambaan ini memfokuskan tentang perdebatan dan realiti yang berlaku di Estet Sapong semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Kajian ini banyak bergantung pada sumber primer khususnya dokumen dan suratmenyurat kolonial, akhbar, laporan tahunan pentadbir serta koleksi surat persendirian yang diperoleh dari pelbagai tempat. Kajian mendapati bahawa, meskipun perhambaan secara rasminya telah dihapuskan menjelang tahun 1880-an, pelbagai kes dan realiti yang berlaku khususnya dalam tempoh tahun 1910-1938 memperlihatkan bahawa buruh ladang khususnya buruh luar seperti buruh Jawa dan Cina masih diibaratkan menjalani kehidupan seperti seorang hamba. Justeru, meskipun mekanisme undang-undang diperkenalkan oleh SBUB bagi mengaburi maksud 'hamba' melalui 'buruh', undang-undang ini sebenarnya telah membuka peluang kepada pihak majikan melalui pelbagai bentuk penindasan.